

Menteri berhak jawab Dr M

BH - 29/6/2006

Mesyuarat Kabinet sebulat suara ambil keputusan pertahanan kerajaan

Oleh Wan Hazmir Bakar,
Shamshul Azree Samshir
dan Mohd Feroz Abu Bakar

KUALA LUMPUR: Kabinet semalam memutuskan semua anggotanya perlu mempertahankan kerajaan dengan menjawab kritikan berterusan Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap pentadbiran Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Keputusan sebulat suara itu dibuat pada akhir mesyuarat mingguan Kabinet di Putrajaya selepas perbin-

cangan panjang lebar Jemaah Menteri berhubung serangan terbaru Dr Mahathir pada satu majlis yang turut dihadiri pemimpin pembangkang, Sabtu lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz, berkata menteri Kabinet tidak akan membiarkan Abdullah menjawab sendiri kritikan bekas Perdana Menteri itu.

"Kita pegang pendapat bahawa Kabinet berhak, mana-mana ahli berhak, untuk mempertahankan kerajaan dan keputusan kita. Maka tidaklah berbangkit soal kita tak perlu

bagi jawapan.

"Malah, itu menjadi hak kita, seperti Tun (Dr Mahathir) berhak meneruskan kritikan. Takkanlah kita duduk diam, menjadi hak kita membela diri daripada tuduhan.

"Ini keputusan Kabinet yang perlu diterima semua dan bukan menjadi tanggungjawab saya seorang," katanya pada sidang media di Lobi Parlimen selepas menghadiri mesyuarat Kabinet.

Sebelum ini, Perdana Menteri memutuskan kementerian berkaitan menjawab persoalan yang dibangkit-

kan bekas Perdana Menteri, seperti isu pembatalan pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor, penjualan MV Agusta oleh Proton dan pemberian permit import (AP) kenderaan.

Dr Mahathir yang sebelum ini mempertikaikan beberapa keputusan kerajaan, mula melemparkan kritikan paling keras terhadap pentadbiran Abdullah termasuk menuh penggantinya itu menikam beliau dari belakang pada sidang media di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, 7 Jun lalu.

Sidang media itu diadakan bagi memberi taklimat mengenai satu forum keamanan, tetapi Dr Mahathir, apabila ditanya wartawan asing mengenai hubungannya dengan Abdullah, tanpa berselindung menyuarakan kekecewaannya terhadap pentadbiran sekarang.

Sabtu lalu pula, beliau mengulangi kritiknya di depan pemimpin pembangkang pada majlis dialog anjuran gabungan badan bukan kerajaan (NGO) dan Rakan Media Alternatif di